



برونئي دارالسلام سترال بڠواه  
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

NATIONAL  
SAVINGS DAY

## EVOLUSI SIMPANAN: TRADISIONAL KEPADA DIGITAL

Berikutan perkembangan teknologi, pengurusan kewangan secara digital telah menjadi lebih penting dan relevan. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan tahap celik kewangan digital, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) sukacita mengongsikan artikel bersiri yang mengetengahkan perkhidmatan kewangan digital di Negara Brunei Darussalam.

Sempena Hari Menabung Kebangsaan yang disambut setiap 28 Mei, artikel ini akan membincangkan cara-cara awda boleh menggunakan perkhidmatan perbankan digital untuk menyimpan wang serta manfaatnya.

Secara tradisinya, menyimpan wang memerlukan orang ramai untuk pergi ke cawangan bank, melengkapkan borang, dan seterusnya mendepositkan wang ke dalam akaun simpanan. Walau bagaimanapun, dengan adanya teknologi, menyimpan wang telah menjadi lebih mudah dan efisien.

Platform perbankan digital telah mengubah cara orang ramai mengendalikan dan mengurus wang. Dengan hanya beberapa klik pada telefon pintar, awda boleh membuka akaun simpanan, membuat pemindahan wang secara automatik, memantau perbelanjaan dan matlamat kewangan pada bila-bila masa. Dengan perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat-syarikat FinTech dan aplikasi mudah alih perbankan, pengurusan kewangan kini lebih mudah berbanding sebelumnya.

Berikut adalah beberapa manfaat menyimpan wang secara digital:

### 1. Kemudahan dan kebolehcapaian

Menggunakan platform perbankan digital bermakna awda dapat mengakses akaun awda pada bila-bila masa. Jadi, awda tidak perlu risau jika tidak dapat pergi ke bank secara fizikal.

### 2. Automatik dan menjimat masa

Perbankan digital bermaksud awda boleh memanfaatkan pemindahan wang secara automatik mengikut kekerapan yang awda inginkan. Ini menjadikan simpanan mudah dan boleh membantu awda menjadi lebih berdisiplin dan konsisten.

### 3. Pengurusan kewangan dan pemantauan matlamat

Platform digital membolehkan awda mengatur wang awda dengan lebih baik. Awda boleh memilih untuk membuka akaun yang berlainan bagi tujuan yang berbeza. Ini membolehkan awda memantau perbelanjaan awda dan menghindari diri daripada berbelanja berlebihan dengan sekehendak hati.

#### 4. Keselamatan dan ketelusan

Platform perbankan digital mengutamakan keselamatan wang dan maklumat peribadi awda melalui penyulitan (encryption) yang teguh, pengesahan pelbagai faktor (multi-factor authentication) dan langkah-langkah keselamatan yang lain. Ia juga menyimpan sejarah transaksi dan penyata akaun untuk rujukan awda.

Ingatlah, awda bertanggungjawab untuk menguruskan akaun awda sendiri dengan cermat. Simpan maklumat akaun dengan selamat dan laporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan dengan segera. Elakkan menggunakan akaun peribadi awda untuk menjalankan perniagaan lain serta jangan sekali-kali menjadi keldai akaun dengan menyewakan akaun awda kepada sesiapapun.

Sempena Hari Menabung Kebangsaan, marilah kita memanfaatkan perbankan digital untuk menyimpan wang untuk membina masa depan kewangan yang lebih cerah.

Untuk sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi 8318388 atau e-mel [info@bdcb.gov.bn](mailto:info@bdcb.gov.bn).

**Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 23 Zulkaedah 1445H / 1 Jun 2024M

Rujukan: BDCB/COMMS/7